# PELAN PEMULIHAN NEGARA - FASA 4
# SOP AM PENGANJURAN UJIAN PRA MUSIM GRAND PRIX MOTOSIKAL MALAYSIA

Dikemaskini pada 25 Januari 2022

| Merangkumi |
| --- |
| **Ujian Pra Musim Grand Prix Motosikal Malaysia:**<br>• Protokol khusus bagi penganjuran ujian pra musim Grand Prix Motosikal Malaysia yang dianjurkan oleh Litar Antarabangsa Sepan (SIC). |
| **Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan** |
| • Semua aktiviti sukan & rekreasi di kawasan PKPD.<br>• Sila rujuk perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti Yang Dilarang. |
| **Arahan Tetap** |
| • Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.<br>• Akta 342.<br>• Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.<br>• Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi.<br>• Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. |

## PROTOKOL AM

| PERKARA | PENERANGAN RINGKAS |
| --- | --- |
| **PROTOKOL AM PENGANJURAN UJIAN PRA MUSIM GRAND PRIX MOTOSIKAL MALAYSIA** | 1. Pastikan semua pelumba/ jurulatih/ pegawai/ teknikal telah menerima vaksinasi lengkap dan berada di dalam keadaan sihat dan tidak bergejala sebelum berlepas ke Malaysia.<br><br>2. Pastikan semua pelumba/ jurulatih/ pegawai/ teknikal telah menjalani Ujian Pengesanan COVID-19 RT PCR sekurang-kurangnya 2 hari/ 48 jam sebelum berlepas ke Malaysia dan membawa bersama dokumen pengesahan.<br><br>3. Pastikan semua pelumba/ jurulatih/ pegawai/ teknikal telah memuat turun dan mengaktifkan aplikasi MySejahtera serta mengisi deklarasi kesihatan semasa masih di luar negara.<br><br>4. Pastikan semua pelumba/ jurulatih/ pegawai/ teknikal telah menjalani dan melalui prosedur dan ujian yang ditetapkan Pihak Berkuasa yang berkaitan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA).<br><br>5. Pastikan semua pelumba/ jurulatih/ pegawai/ teknikal menjalani kuarantin dan pengawasan di bawah Litar Antarabangsa Sepang (SIC) serta mematuhi SOP yang ketat dalam gelembung sehingga keputusan RT-PCR diperolehi.<br><br>6. Penganjuran ujian pra musim adalah dilaksanakan secara gelembung tertutup dan kuarantin di bawah pengawasan Litar Antarabangsa Sepang (SIC) seperti berikut:<br><br>• Kekal berada dalam gelembung sepanjang lima (5) hari bagi pengembara yang mempunyai vaksin *booster.*<br>• Kekal berada dalam gelembung sepanjang tujuh (7) hari bagi pengembara yang lengkap vaksin.<br>• Diberi pelepasan daripada gelembung pada hari kelima (5) atau ketujuh (7) jika ujian RT-PCR atau RTK-Ag yang diselia petugas kesihatan pada hari kelima (5) atau ketujuh (7) adalah negatif.<br><br>7. Pastikan semua pelumba/ jurulatih/ pegawai/ teknikal menjalani ujian RTK-Antigen secara berkala sepanjang berlangsungnya sesi ujian masa. |

### Merangkumi

**Ujian Pra Musim Grand Prix Motosikal Malaysia:**

- Protokol khusus bagi penganjuran ujian pra musim Grand Prix Motosikal Malaysia yang dianjurkan oleh Litar Antarabangsa Sepan (SIC).

### Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Semua aktiviti sukan & rekreasi di kawasan PKPD.
- Sila rujuk perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti Yang Dilarang.

### Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

## PROTOKOL AM

| PERKARA | PENERANGAN RINGKAS |
|---|---|
| **PROTOKOL AM PENGANJURAN UJIAN PRA MUSIM GRAND PRIX MOTOSIKAL MALAYSIA** | 8. Pastikan semua pelumba/ jurulatih/ pegawai/ teknikal sentiasa mematuhi SOP dengan ketat dan berada di dalam gelembung.<br><br>9. Pastikan semua pelumba/ jurulatih/ pegawai/ teknikal mematuhi Protokol Am Individu di bawah SOP Am Sektor Sukan dan Rekreasi yang sedang berkuat kuasa di kawasan Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 4.<br><br>10. Pastikan operator venue/ litar (SIC) mematuhi Protokol Am Pengurusan di bawah SOP Am Sektor Sukan dan Rekreasi yang sedang berkuat kuasa di kawasan Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 4.<br><br>11. Pastikan kehadiran penonton/ penyokong mematuhi Protokol Am Pengurusan Penonton/ Penyokong di bawah SOP Am Sektor Sukan dan Rekreasi yang sedang berkuat kuasa di kawasan Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 4.<br><br>12. Pastikan juga premis/ tempat latihan mempunyai sistem pengudaraan (*ventilation*) yang baik dan mematuhi peraturan yang ditetapkan Pihak Berkuasa yang berkaitan. Pengusaha/ operator perlu memastikan perkara berikut:<br>• Pastikan pemeriksaan dan penyelenggaraan dilakukan secara berkala bagi memastikan sistem penyaman udara atau kipas berfungsi dengan baik;<br>• Mengekalkan kadar pengudaraan dan julat suhu yang ideal seperti yang ditetapkan Pihak Berkuasa yang berkaitan;<br>• Disarankan untuk meminimakan bilangan pengguna bagi memastikan kadar pengudaraan yang baik; dan<br>• Lain-lain langkah yang bersesuaian dan mematuhi peraturan yang ditetapkan Pihak Berkuasa yang berkaitan.<br><br>13. Pihak Berkuasa yang berkaitan berhak membuat pemantauan pada bila-bila masa dan mengambil tindakan/ denda (mengikut akta/ undang-undang berkaitan) kepada penganjur jika berlaku ketidakpatuhan. |

**Merangkumi**

**Ujian Pra Musim Grand Prix Motosikal Malaysia:**

- Protokol khusus bagi penganjuran ujian pra musim Grand Prix Motosikal Malaysia yang dianjurkan oleh Litar Antarabangsa Sepan (SIC).

**Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan**

- Semua aktiviti sukan & rekreasi di kawasan PKPD.
- Sila rujuk perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti Yang Dilarang.

**Arahan Tetap**

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

## PROTOKOL AM

| PERKARA | PENERANGAN RINGKAS |
|---|---|
| **PROTOKOL AM PENGANJURAN UJIAN PRA MUSIM GRAND PRIX MOTOSIKAL MALAYSIA** | 14. Pastikan pemeriksaan gejala dan status MySejahtera perlu dilakukan di mana individu yang berstatus “*Low Risk*” termasuk “*Casual Contact Low Risk*” sahaja dibenarkan memasuki venue.<br><br>15. Pastikan memberi kerjasama kepada pemantauan yang akan dilakukan oleh KBS termasuklah ‘Rakan Muda *Sports Bubble Volunteers*’ pada bila-bila masa. |